



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Rahsia Rasmi (Pindaan) 1983
DR.32/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1983. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 2 Akta Rahsia Rasmi 1972, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan sebelum sahaja takrif “angkatan tentera” takrif baru yang berikut : Pindaan seksyen 2. Akta 88.

“agen negara asing” termasuklah mana-mana orang yang disyaki, telah disyaki atau dengan munasabahnyanya disyaki telah bekerja dengan suatu negara asing atau mana-mana pertubuhan di dalam atau di luar Malaysia sama ada secara langsung atau secara tak langsung bagi maksud melakukan sesuatu perbuatan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia, atau yang telah atau dengan munasabahnyanya disyaki telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, melakukan atau cuba melakukan, sesuatu perbuatan seperti itu bagi kepentingan suatu negara asing;”
3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “sa-lama tempoh tidak lebih daripada empat belas tahun atau denda tidak lebih Pindaan seksyen 3.

daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-keduanya” dengan perkataan-perkataan “seumur hidup”.

Seksyen-
seksyen baru
7A dan 7B.

**4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan se-
lepas sahaja seksyen 7, seksyen-seksyen 7A dan 7B yang
berikut :**

“Kewajipan
melapor
permintaan
bagi
maklumat
dili.

7A. (1) Seseorang yang dengan apa-apa jua cara dihampiri oleh mana-mana orang lain sama ada secara langsung atau secara tak langsung bagi mendapatkan untuk atau membekalkan kepada orang lain itu sesuatu perkataan kod, isyaratimbang atau kata-jodoh rasmi yang rahsia atau sesuatu benda, suratan atau maklumat yang—

(a) berhubungan dengan atau digunakan di sesuatu tempat larangan atau berhubungan dengan apa-apa jua di sesuatu tempat itu; atau

(b) berhubungan dengan kelengkapan perang dan lain-lain perkakas, kelengkapan dan jentera yang digunakan dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia; atau

(c) telah dibuat atau didapatkan bersalahan dengan Akta ini; atau

(d) telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya oleh seseorang pegawai awam; atau

(e) telah dibuat atau didapatinya, atau yang dia mempunyai akses, disebabkan kedudukannya sebagai seorang yang memegang atau telah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak yang dibuat bagi pihak Kerajaan, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah di ambil bekerja oleh atau dengan seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak tersebut,

selain dari menjalankan tugasnya, hendaklah dengan serta-merta melaporkan perhubungan itu kepada pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau ke atas, dan jika ia adalah seorang pegawai awam adalah mencukupi baginya melaporkan secara bertulis kepada ketua jabatan pegawai awam itu.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi kehendak-kehendak subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

Meletakkan diri ke dalam kepercayaan agen negara asing.

7B. Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan supaya meletakkan atau mungkin meletakkan dirinya dalam kepercayaan mana-mana agen negara asing adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.”.

5. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “perang” dalam perenggan (b) subseksyen (1) perkataan-perkataan “dan lain-lain perkakas, kelengkapan dan jentera yang digunakan dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia”.

Pindaan seksyen 8.

6. Subseksyen (1) seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 11.

(a) dengan memotong perkataan-perkataan “di bawah kuasa-nya”;

(b) dengan menggantikan koma di hujung perenggan (bb) dengan koma bertitik dan perkataan “atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (bb), perenggan baru (cc) yang berikut:

“(cc) seseorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri;”.

Pindaan
seksyen 17.

7. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perenggan (b) subseksyen (2).

Seksyen
baru 30A.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 30, seksyen baru 30A yang berikut—

“Peraturan-
peraturan.

30A. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan maksud Akta ini dan, tanpa menyentuh keluasan makna perkataan-perkataan yang tersebut di atas, boleh—

- (a) menetapkan cara mengelaskan maklumat, suratan dan bahan-bahan lain;
- (b) menetapkan prosedur bagi pengendalian, penyimpanan dan penghantaran suratan rasmi dan maklumat-maklumat lain;
- (c) menetapkan cara melupuskan suratan rasmi yang dibuang;
- (d) menetapkan cara penyampaian maklumat rasmi;
- (e) menetapkan semua perkara lain yang perlu bagi melindungi keselamatan atau kerahsiaan mana-mana maklumat atau benda;
- (f) membuat peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti tidak melebihi denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun kerana melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan; dan
- (g) membuat peruntukan mengenai hal mengkompaun mana-mana kesalahan seperti itu.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Rahsia Rasmi 1972.

2. *Fasal 2* mentakrifkan istilah “agen negara asing”. Penalti kerana perbuatan mengintip telah menjadi bertambah berat seperti dalam *fasal 3* oleh kerana adalah dirasai bahawa hukuman bagi kesalahan ini yang ada kini tidaklah mencukupi.

3. *Fasal 4* mengemukakan dua seksyen baru kepada Akta memperuntukkan kesalahan kerana gagal melaporkan permintaan mendapatkan maklumat mengenai apa-apa jua perkara berhubungan dengan tempat larangan, kelengkapan perang dan yang serupa dengannya dan kesalahan meletakkan diri seseorang dalam kepercayaan agen negara asing.

4. *Fasal 6* membuat peruntukan mengenai kewajipan memberi maklumat jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri manakala *fasal 8* memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan. Pindaan-pindaan dalam *fasal 5* dan *7* adalah pindaan-pindaan yang kecil dan semata-matanya berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1135.]